

Membaca pacu kemajuan negara

B/H 30/4/2011 Ms 14.

PERSOALAN budaya membaca dalam kalangan rakyat Malaysia sebagai langkah yang mampu memacu negara ke tahap lebih tinggi, sekali gus melahirkan masyarakat berilmu jika dilaksanakan secara teratur dibincangkan pada Forum Pembacaan: Bangsa Membaca Memacu Negara Ke Puncak Dunia.

Presiden Majlis Permuafakatan Persatuan Ibu Bapa dan Guru (PIBG) Malaysia, Prof Madya Datuk Dr Mohamad Ali Hasan, berkata amalan membaca di kalangan masyarakat kini menunjukkan petanda awal peningkatan dan ia adalah perkembangan yang baik.

"Sambutan menggalakkan terhadap Pesta Buku Antarabangsa Kuala Lumpur petanda yang baik. Bagaimanapun, amalan membaca saja tidak akan berjaya memacu negara kepada kemajuan jika pembaca tidak mencernakan apa yang dibaca dan menjadikannya



sebagai ilmu pengetahuan.

"Penghayatan dalam bacaan perlu kerana tanpanya, ilmu pengetahuan daripada bahan bacaan tidak dapat dimanfaatkan ketika diperlukan. Amalan membaca tidak boleh sekadar di permukaan kerana ia sepatutnya dapat menjadikan pembaca itu berpengetahuan dan boleh

memanfaatkannya," katanya pada forum bersempena Pameran Buku Read Malaysia 201, baru-baru ini.

Mohamad Ali berharap usaha memupuk pelajar untuk membaca tidak hanya untuk lulus peperiksaan semata-mata, tetapi turut mengajar mereka berfikir kritis mengenai bahan bacaan yang dibaca.

Beliau turut mengingatkan khalayak mengenai kelebihan jika seseorang pemimpin dipilih di kalangan mereka yang mengamalkan budaya membaca kerana pada pendapatnya, individu sedemikian boleh mentadbir dengan baik kerana memiliki ilmu pengetahuan.

"Jika mereka mempraktikkan amalan membaca, tentunya pemimpin itu dapat mentadbir dengan baik kerana memiliki ilmu pengetahuan. Sebagai contoh, pemimpin yang membaca kesihatan jasmani akan dapat mentadbir dengan baik kerana ada pengetahuan dan boleh mengamalkannya.

"Ini yang kita mahu iaitu pemimpin yang bukan saja membaca untuk dirinya, tetapi juga berkemampuan mencerna ilmu pengetahuan berkenaan dan berkongsi apa yang dibaca

dengan semua," katanya.
Mohamad Ali juga yakin budaya membaca dapat menjadi penyelesaian persoalan mengapa selepas pelbagai usaha dan kempen memartabatkan bahasa Melayu diadakan, penggunaan bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan di negara ini masih belum memuaskan.

"Penerbit perlu menerbitkan buku bermutu dan dapat menyumbang kepada perpaduan di kalangan masyarakat pelbagai kaum. Kita juga mahu melihat pameran buku seperti

Read Malaysia 2011 dapat menjadi medan memperkenalkan pelbagai jenis buku untuk segenap lapisan masyarakat negara ini," ujarnya.



*Amalan membaca
saja tidak akan
berjaya memacu
negara kepada
kemajuan jika pembaca
tidak mencernakan apa
yang dibaca"*

**Prof Madya Datuk
Dr Mohamad
Ali Hasan**

*Presiden Majlis
Permuafakatan
Persatuan Ibu Bapa dan
Guru Malaysia*

